


Cherita

RAJA DERA



CHERITA RAJA DERÄ

Ditulis oleh:
Nik Maimunah binti Yahya

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Kementerian Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu
Kuala Lumpur

1962

CETAKAN PERTAMA 1962

(Hak Penerbit Terpelihara)

Di-cetak oleh
SOLAR PRESS, KUALA LUMPUR.

Harga-nya \$1.00

I S I - N Y A

							Muka Surat
1.	Kata Pengantar	v
2.	Pendahuluan	vii
3.	Pengenalan Waiak	xii
4.	Cherita Raja Dera:						
(i)	Raja Alor Batu	1
(ii)	Nujum Tujuh Beradek	4
(iii)	Anak Anjing Anak Kuching	12
(iv)	Bidan Bongsu	17
(v)	Penderitaan Raja Dera	19
(vi)	Gajah Puteh Kepala Tujuh	21
(vii)	Lari Bertempiaran	25
(viii)	Puding Emas Puding Perak	28
(ix)	Harimau Menyembah Raja Dera	30
(x)	Tupai dan Helang Puteh...	32
(xi)	Raja Dera Berseloka	35
(xii)	Raja Alor Batu Terbucoh	39

Kata Pengantar

Dewan Bahasa dan Pustaka sentiasa berusaha dalam membongkar dan mengumpulkan hasil2 sastera lama Melayu dari sa-masa ka-samasa, kerana ia-itu menjadi satu daripada tujuan2 utama Dewan ini. Kalau hasil2 sastera lama Melayu ini tidak di-usahakan membongkar-nya, maka sudah tentu lambat laun sastera pesaka peringgalan nenek moyang kita ini akan hilang dan hapus.

Salah satu dari jenis sastera lama ini ia-lah sastera Penglipor Lara atau sastera yang di-tutorkan. Di-Kelantan orang yang menghafal atau menutorkan sastera lama ini di-kenal dengan nama "To' Selampit" atau "Orang Tarek Selampit."

Biasa-nya To' Selampit ini menggunakan sa-buah rebab waktu hendak meriwayatkan cherita2 penglipor lara itu. Dengan di-iringi oleh suara geselan rebab-nya ia menyanyikan cherita penglipor lara dengan penoh perasaan-nya. Kalau-lah sampai kapada mencheritakan babak2 kejadian yang sedeh dan pilu, maka suara nyanyian-nya dan geselan rebab-nya turut sayu dan mendayu2, kadang2 pula ia sendiri turut terisak2 mcnitekkan ayer mata.

Jadi untuk mengekal dan memelihara sastera lama jenis penglipor lara ini, Dewan Bahasa dan Pustaka telah merakamkan beberapa buah cherita yang di-nyanyi atau di-riwayatkan oleh 'To' Selampit di-Kelantan dan rakaman ini kemudian-nya ditulis, di-sunting dan di-bukukan. Buku yang pertama "Selampit" telah di-terbitkan dalam siri klasik DBP, dan buku ini ia-lah sa-bagai siri klasik DBP yang kedua.

Dengan membukukan hasil2 sastera lama Melayu ini adalah menjadi suatu bukti yang nyata bahawa dunia kesusasteraan kita memang luas dan kaya.

Kapada penyusun-nya, ia-itu Nik Maimunah binti Yahya, sa-orang mahasiswa Universiti Malaya yang telah berkhidmat sementara di-Dewan ini dalam masa chuti-nya saya uchapkan sa-tinggi2 tahni'ah.

Syed Nasir bin Ismail
Pengarah,
Dewan Bahasa dan Pustaka.

PENDAHULUAN

Sa-bagai satu hasil kesusasteraan ra'ayat maka cherita "Raja Dera" ini tidak-lah terkechuali daripada mempunyai segala sifat2 yang selalu-nya terdapat pada cherita2 ra'ayat saperti "Selampit", "Si-Gembang" dan lain2 lagi. Pendek-nya dapat di-katakan bahawa cherita2 ra'ayat yang berupa sastera lisan ada-lah pada keselurohan-nya sama sahaja. Sama yang di-maksudkan di-sini ia-lah dari segi thema, aliran cherita, gaya bahasa dan juga dari chara penutoran cherita itu sendiri. Jika ada sadikit sa-banyak pun perbedaan di-antara penutoran satu2 cherita dengan yang lain, hanya-lah di-sebabkan oleh berlainan penglipor2 lara yang bercherita ia-itu menurut segi perasaan dan kepintaran masing2 untuk menarek perhatian dan kepuasan hati pendengar2-nya. Sa-tengah daripada penglipor2 lara itu ada menggunakan perkataan2 yang ta' mungkin kita dapati sa-kira-nya cherita2 itu ada-lah cherita yang original. Mithal-nya, pada cherita "Raja Dera" ini kita akan dapati perkataan Inggeris saperti 'notice', 'case', 'cement' (notis, kes, simin) - dan dari sini dapat kita katakan bahawa tiap2 sa-orang penglipor lara itu chuba memberi pengertian yang jelas kapada pendengar2-nya dengan menggunakan perkataan yang sesuai dengan keadaan masa.

Cherita2 ra'ayat itu pada keselurohan-nya ada-lah mengesahkan tentang raja2, putera dan puteri, dan dari segi ini dapat kita membuat kesimpulan tentang masyarakat di-waktu itu. Kesah tentang raja2 mungkin membuktikan sifat yang patoh pada raja dan cherita2 yang di-tutorkan itu ada-lah sa-mata2 sa-bagai satu alat penghiboran bagi yang mendengar-nya. Namun bagitu tidak dapat kita natikan bahawa di-sabalek cherita2 itu terselit berbagai2 ajaran dan tuladan yang sa-patutnya di-ambil berat oleh sa-tiap2 pendengar-nya.

Dari segi aliran cherita-nya pula kita akan dapati bahawa cherita2 itu ada mengikuti satu peratoran yang tertentu. Mithal-

nya kesah penderitaan sa-orang anak raja pada mula-nya, chara2 dia mengatasi-nya, dan akhir-nya bagaimana ia men-chapai kebahagiaan, ada-lah perutoran2 yang selalu di-dapati pada cherita2 ra'ayat. Cherita "Raja Dera" mengesahkan tentang penderitaan sa-orang anak raja bernama Raja Dera berserta dengan adek-nya Tuan Puteri Ra'na Terbuang. Mereka kedua menderita kerana di-dengki oleh abang angkat-nya Raja Alor Batu. Penderitaan ini tidak di-ketahui oleh ibu kandong mereka, kerana sejak di-lahirkan mereka telah di-tukarkan dengan anjing dan kucing, konon-nya anjing itu Raja Dera dan kucing itu Tuan Puteri Ra'na Terbuang. Bonda-nya tetap menganggap anjing dan kucing itu-lah anak kandong-nya. Tetapi akhir-nya, segala azab sengsara yang telah di-alami oleh anak raja berdua itu telah di-balas dengan kebahagian, sa-sudah Raja Alor Batu mati di-tikam oleh Raja Dera dalam satu perlawanhan pedang. Dengan habis-nya riwayat Raja Alor Batu, kesah Raja Dera dan adek-nya tidak lagi di-selubungi oleh seksa duka nestapa, malah telah dapat pula mengechap ni'mat kebahagiaan, dan di-sini-lah tamat-nya cherita itu.

Satu perkara yang agak menarik perhatian kita ia-lah kenapa cherita ini di-namakan cherita "Raja Dera". Mungkinkah title2 bagi cherita ra'ayat ini berdasar hanya atas nama2 hero-nya sahaja atau pun atas sa-suatu yang berkaitan dengan hero-nya itu? Jika di-tilek pada cherita ini kita akan dapati bahawa Raja Dera ia-lah nama hero-nya - dan dera ada-lah berma'ana penyeksaan - terutama sa-kali pada kanak2. Di-sini nampak-nya 'Dera' itu sangat bersesuaian dengan keadaan aliran cherita - kerana segala isi cherita-nya ada berputar di-sakeliling watak hero itu. Keadaan yang demikian ada terdapat pada "Si-Gembang" - yang mana nama hero ada-lah menjadi title bagi cherita itu tetapi pada "Selampit" ada-lah sadikit berlainan. Nama "Selampit" ada-lah di-perolehi daripada nama ayahanda-nya bukan pada watak hero-nya Sultan Ahmad. Mungkin kita ingin tahu bahawa sa-bagai satu alat penghibor, apa-kah sa-benar-nya cherita2 penglipor lara ini dapat meng-hiborkan atau pun dapat memberi kesan pada perasaan orang2 yang mendengar-nya? Bagi memberi jawapan yang tepat tentang ini kita harus mengkaji akan cherita itu dari segi plot-nya, chara penutoran dan gaya bahasa yang di-gunakan-nya. Sa-sabuah cherita yang di-tutorkan dengan gaya bahasa yang indah berbunga di-sertai dengan alat2 bunyian sangat-lah menarik

perhatian pendengar dan ini dapat di-buktikan dengan sanggupnya mereka menunggu bermalam2 untuk mendengar sampai habisnya cherita2 itu. Dan pada "Selampit", "Si-Gembang" dan "Raja Dera" mithal-nya, ketiga2-nya ada-lah sangat menghiburkan hati pendengar2, tetapi jika kita membuat satu perbandingan di-antara ketiga-nya itu, maka kita dapatilah bahawa cherita "Si-Gembang" ada lebih berkesan oleh kerana ada-nya sub-plots - yang sa-mesti-nya menarik lagi minat pendengar2 akan apa-kah kesudahan-nya dan bagaimana-kah sub-plots itu di-perhubungkan dengan pokok cherita-nya.

Pada khusus-nya, perbedaan ini ada-lah perbedaan yang di-ambil dengan sa-chara kasar. Walau pun bagitu, kita tidak dapat menolak daripada berpendapat bahawa sastera2 lisan ini ada mempunyai persamaan thema yang berdasarkan bahawa tiap2 yang baik itu akan di-balas baik dan yang jahat itu akan di-balas jahat, dan tiap2 sa-suatu kesusahan itu akan berakhir dengan kesenangan.

Pengenalan Watak

Raja Kembang Beremas

- Ayahanda pada Raja Dera, Puteri Ra'na Terbuang dan Raja Alor Batu.

Raja Alor Batu

- Abang tiri Raja Dera.

Tuan Puteri Jong Jamah

- Bonda Raja Dera dan Puteri Ra'na Terbuang.

Raja Dera

Tuan Puteri Ra'na Terbuang

- Adek - beradek.

Puteri Sa-kuntum Chempaka

- Isteri Nujum Bongsu.

Tuan Puteri Sa-kuntum Bunga

- Bonda Raja Alor Batu.

RAJA ALOR BATU

Maka tersebutlah kesah sa-orang raja bernama Raja Kembang Beremas. Suatu hari sedang ia duduk memerintah di atas takhta kerajaan-nya di atas balai di-halaman balai, maka ia pun memanggil akan sakalian temenggong, sida2 dan perwira seraya berkata kepada anak-nya Raja Alor Batu,

"Oh anak, pada saya-lah anak,
Sila-lah anak masok mengadap
Na' kira bichara - sa-kerat rotan
Alah kadar barang basa."

telah terdengar itu maka Raja Alor Batu pun lekas bangun berpaling kiri berpaling kanan serta masok mengadap di atas balai di-hadapan Raja Kembang Beremas, serta sujud sembah,

Ayoh tuanku,
Harap ampun beribu ampun
Harap ma'af beribu ma'af pada patek tuanku
banyak2,
Ketja apa hajat mana-lah tuanku,
Achu⁽¹⁾royat-lah tuanku
Boleh patek dengar.

Jawab kata To' Raja Kembang Beremas,

Ya Nik, anak Raja Alor Batu,

(1) *achu - chuba*

Sila-lah Nik pegang hukuman dalam kampong
dalam negeri ini,
Kerana ayah sudah perawakan tua,
rambut pun sudah uban, kulit pun sudah kechut,
mata pun sudah kelabu.
Jadi kalau molek di-Nik gak
molek-lah pada ayah.

Maka jawab Raja Alor Batu,

Tidak apa-lah ayah
Bolch-lah ayah patek memegang
hukuman dalam kampong dalam negeri
Kalau hak denda Nik lepas sahaja,
Kalau hak berat Nik peringgan
Kalau hak ringan Nik lepas sahaja.

Terdengar itu maka Raja Kembang Beremas pun di-pelok-nya
anak Raja Alor Batu di-jadi-nya raja dalam kampong dalam
negeri itu. Raja Alor Batu pun siang ta' terkata, malam ta'
terkata, habis hari berganti bulan, habis bulan berganti tahun.

Maka tersebut-lah pula kesah di-dalam istana akan Tuan
Puteri Jong Jamah, tiba2 terkejut ia daripada tidor-nya dan
berkata ia kepada inang-nya,

Balah(2)mana-lah inang?
Sudah lama kami metrangku negeri,
Ta' rajin bertemu machan ini
Makan ta' kenyang, tidor ta' jendera,
mandi ta' basah, bala mana petaka mana
kerana mana-lah inang?

Jawab oleh inang,

"Ya-lah enche' patek ta' tahu-lah bagaimana."
"Bagini-lah inang." jawab Tuan Puteri Jong Jamah,
Saya jadi sa-baloh ini-lah inang
sudah 3 bulan 10 hari dah inang.

(2) *balah - macham*

Jawab inang,

"Pada fikiran saya, barangkali enche' nak boleh anak.

Jawab Tuan Puteri Jong Jamah,

Ya inang, kalau saya bolch anak,
suka-lah saya inang, sebab saya anak pun tiada
anak pinak pun tiada, anak saudara buaya pun tiada,
anak buah pun tiada inang.

Kata pulo inang,

"Patek pun kalau enche' boleh anak patek pun
suka juga, boleh patek pegang."

Sa-telah itu maka tinggal-lah Tuan Puteri Jong Jamah
dudok mengandong di-dalam istana, siang menjadi malam,
malam menjadi siang, siang ta' terkata, malam ta' terkata.

II

NUJUM TUJOH BERADEK

Maka tersebut-lah pula Raja Alor Batu yang sedang bermeshuarat bermuafakat dengan bonda-nya Tuan Puteri Ra'na Bunga. Maka berkata Tuan Puteri Ra'na Bunga,

"Ya-lah Nik,

Tuan Puteri Jong Jamah nak boleh anak-lah Nik,
Kalau Nik besar panjang pun Nik ta' boleh jadi raja.
Harta ayah pun ta' boleh kapada Nik,
boleh kapada anak Tuan Puteri Jong Jamah-lah Nik."

"Oleh itu bagaimana bonda?" kata anak Raja Alor Batu.

"Hah! bagini-lah Nik" - jawab Tuan Puteri Ra'na Bunga -

"Nik pergi panggil Wak Nujum yang ketujoh ka atas balai,

Nik upah emas sa-bungkal, perak sa-batil pada Wak Nujum yang tujoh, Biar dia kata anak Tuan Puteri Jong Jamah itu ta' boleh di-taroh dalam negeri,"
Kalau taroh anak Tuan Puteri Jong Jamah dalam negeri,
negeri na' jadi padang jarak padang tekukor,
negeri na' kebakaran, negeri na' karam tiada berayer,
deras api makan kapas, deras api makan negeri lagi,
kalau di-taroh anak Tuan Puteri Jong Jamah dalam negeri."

Sa-telah itu berkata-lah Raja Alor Batu kepada Mahmud,

"Ya Mahmud,

Sila-lah Mahmud mu bawa emas sa-bungkal, perak sa-batil,

mu pergi upah pada Wak Nujum yang tujoh-lah Mahmud.

Minta pada Wak Nujum yang ketujoh ini datang ka atas balai.

Jangan di-kata bertuah, jangan di-kata beruntung pada anak Tuan Puteri Jong Jamah.

Biar Wak Nujum kata chelaka anak Tuan Puteri Jong Jamah."

"Ta' apa-lah tuanku" - jawab kata Mahmud,

"Patek pergi-lah tuanku.

Patek menyembah dari bawah tapak kaki kapoda tuanku."

Maka anak Raja Alor Batu pun di-chapai-nya guri emas sabungkal, perak sa-batil di-berikan-nya kapoda Mahmud supaya pergi berjumpa dengan nujum yang ketujoh pada hari baik, musim molek. Maka nujum yang enam pun bersetuju-lah, tetapi kata Wak Nujum Bongsu,

"Demo (3) ini kalau ta' kerjakan, ta' kerja,
Kalau kerja makan dengan jasa itu so'omor, (4)
dengan jasa upah, dengan jasa tipu,
dengan jasa elah, dengan jasa bohong,
dengan jasa gaya.

Kami tak set (5) makan dengan jasa itu,
Kami na' chari makan dengan chara betul,
dengan chara benar. Tetapi kalau kami ta' pergi
ka-balai raja - jadi ta' kena puls.

Sebab kami orang sesak orang nujum raja.

Walau ta' setuju pun, orang jemput

Biar-lah kami pergi - pergi ambil hati raja."

Lalu nujum tujoh beradek pun tiba2 berlari-lah menuju ka-istana raja - dan dari jauh berlari masuk di-hadapan Raja Alor Batu di atas balai di-halaman balai. Maka berkata Raja Alor Batu,

"Oh! wak sudah mari dah wak?" "Minta ampun tuanku patek sudah mari" - jawab nujum yang ketujoh. "Sila-lah wak basoh kaki wak ka-balai" - sambong lagi Raja Alor Batu.

Maka wak nujum tujoh beradek pun basoh kaki naik kabalai lalu dudok di atas balai serta mengangkat tangan seraya menyembah.

(3) demo - anak

(4) so'omor - sekituan, selaku

(5) tak set - ta' malu

“Ayoh-lah tuanku,
Harap ampun beribu ampun
Harap ma’af beribu ma’af kepada patek banyak2 tuanku,
Kerja apa, hajat mana, fitnah mana-lah tuanku?

Jawab Raja Alor Batu,

“Sila-lah wak buka surat nujum di-hadapan kami,
kami na’ dengar.”

Lalu wak nujum tujoh beradek pun membuka surat nujum lepas sa-orung sa-orang buka semua dina. Buka sa-lapis gelap gelmat, masok kedua kelabu kelala, masok yang ketiga nampak bayang, yang keempat bercherah chalaya boleh berkata2 seraya berdatang sembah,

“Ayoh-lah tuanku,
Harap ampun beribu ampun
Harap ma’af beribu ma’af pada diri patek
banyak2 tuanku.
Anak bonda tuanku bernasib ta’ baik ta’
beruntong.
Jatoh tuanku na’ boleh adek, adek tidak bertuah
boleh adek yang chelaka,
Jangan-lah tuanku taroh dalam kampong dalam
negeri,
Kalau taroh, negeri na’ jadi padang jarak
padang tekukor.

Jawab Raja Alor Batu,

“Ta’ mengapa-lah wak kami dengar sakalian-nya
wak.”

Sa-telah sudah maka nujum yang enam beradek pun berlari-lah pulang, maka berkata-lah Raja Alor Batu kepada Nujum Bongsu.

“Sila-lah naik ka-balai pada diri kami wak.”

Jawab Wak Nujum Bongsu.

Bagini-lah tuanku, patek ini orang baru,
orang bodoh, tutupan⁽⁶⁾ pun tiada,
pencharian pun ta' banyak
ilmu amal pun ta' sakan⁽⁷⁾
menulis pun ta' berapa pandai
Kalau tebing⁽⁸⁾ patek menujum,
pun sa-rupa orang ramai2 juga tuanku,
Baik patek ta' usah tuanku.

Maka jawab Raja Alor Batu,

"Biar-lah wak nujum,
Sila-lah naik bernujum patek dengar.

Maka wak Nujum Bongsu pun naik-lah sa-orang diri na' menujum di atas balai raja. Sa-telah itu di-buka-nya surat nujum di-hadapan anak Raja Alor Batu. Buka sa-lapis gelap gelmat, masok yang kedua kelabu kelala, masok yang ketiga boleh berkata2.

"Ayoh-lah tuanku"
"Ya-lah wak - balah mana wak" - kata Raja Alor Batu,
"Royat-lah wak saya na' dengar."

Jawab kata Nujum Bongsu,

"Maka bagini-lah tuanku
Patek ta' usah royat bagaimana tuanku?"
"Ta' boleh wak - wak mesti royat." kata Raja Alor Batu,
"Tiap2 nujum itu mesti hendak di-tahu."

Jawab pulo Nujum Bongsu,

"Bagini-lah sahaja tuanku,
Fasal adek tuanku itu dua beradek,
kakak laki2 adek perempuan.

(6) tutupan - tempat bernaung?

(7) sakan - banyak

(8) tebing - claba

Tujuh petala langit, tujuh petala bumi tuanku."

Terdengar itu Raja Alor Batu pun angkat kaki tendang terajang pada Wak Nujum Bongsu. Lalu wak nujum rebah lentang pukang, berteriak tangis lalu lari pulang. Dengan ayer matanya berkata Wak Nujum Bongsu,

"Kita rayat betul2, benar2, dia tendang terajang,
Kalau kita lambat lari tentu dia katang tiga tuboh
diri kami."

Jawab nujum enam beradek,

"Adek Wak Nujum Bongsu, muga kita na' menchari makan, sudah boleh harta benda, boleh dah tanggong anak bini,
na' buut apa lagi bertanya?
Kalau na' chari harta betul benar, payah sadikit,
Nujum Bongsu."

Sa-lepas itu nujum enam beradek pun membahagikan sakalian emas sakalian perak buat tujuh bahagian untuk tujuh beradek. Maka yang enam beradek tadi ambil-lah bahagian mereka, tetapi Nujum Bongsu tidak ambil. Jawab kata wak nujum yang tua,

"Ambil-lah adek emas sa-bungkal,
perak sa-batil serba sadikit.

Maka kata Nujum Bongsu,

"Biar kami tak ser makan dengan jasa itu,
dengan jasa tipu, dengan jasa elah, dengan jasa bohong,
dengan jasa melawak biar-lah kami ta' mudah kaya pun."

Sa-jurus keluar-lah bini wak nujum enam beradek tadi masing2 ambil sakalian perkakas emas, perak rial na' pergi berjalan ka-kedai Bugis dekat rumah To' Keramat. Masing2 na' buat manik kecil, subang gantong, tali tangan, gelang, kerongsang baju, pemachak sanggul. Larva2 sejak muda sampai ka-tua ta' rajin bertemu perkakas emas, perkakas suasa. Ada2 pun chinchin besi dan tembaga sahaja.

Maka terbit-lah bini Wak Nujum Bongsu, Tuan Puteri Sa-kuntum Chempaka. Berkata ia pada Wak Nujum Bongsu,

"Ya abang, ambil-lah abang sakalian emas, perak, rial.
Kita orang muda, kita orang chantek kita orang lawa,
Anak pinak pun tiada,
Tengok-lah" pakaian ketika tuboh maseh muda bagini-lah."

Jawab Nujum Bongsu,

"Tidak adek,
Abang tidak makan jasa tipu,
jasa elah, jasa bohong, jasa gaya."
"Mari-lah abang" - sampok bini-nya,
"Hah!" jawab Nujum Bongsu,
"Sudah kerja-lah,
Lubang telinga barangkali pekak bernanah,
Kata tiada itu minta juga perak sa-peti pun
hendak ambil ka-mana?"

Maka jawab pula bini-nya,

"Apa guna-lah abang pergi bernujum di atas balai raja,
Orang pergi jari sa-puloh, bawa balek harta benda
boleh buat pakaian pada anak bini,
Datang kita pergi jari sa-puloh bawa balek jari sa-puloh
buat pakaian bini pun ta' boleh sa-perkara buta,
Ta' guna-lah Wak Nujum Bongsu ini,
Baik mati di-bunuh,
Baik mu cherasi aku,
Aku ta' suka, ta' rela di-buat bini, anak dengan aku.

Jawab Nujum Bongsu,

"Allah adek, sampai bangkit bongkar bagitu sa-kali,
sampai ajak2 bercherasi."

Jawab bini-nya,

"Oh! ta' usah di-panggil adek,
aku ta' suka ta' rela,
Wak Nujum Bongsu padan mati di-bunoh,
Aku na' cherai2 - cherai, cherai."

Lalu Wak Nujum Bongsu pun lari-lah berhambat dengan bini dia, di-kekcar kerabu atas belakang sampai jadi kudis bernanah di-atas belakang Wak Nujum Bongsu. Maka lari-lah mereka berkejar2 hingga jatoh-lah Wak Nujum Bongsu pada Chabang Empat Chabang Tiga di-hadapan kedai Bugis.

Melihat keadaan itu maka berkata orang di-kedai Bugis,

"Bala mana chelaka mana kerana mana?
Lama2 kami dudok di-kedai Bugis ini,
tidak rajin kelelah⁽⁹⁾ orang berkatok,
ta' rajin kelelah orang berhambat,
ta' rajin kelelah orang bertetak,
ta' rajin kelelah orang bertikam
Tiba2 pada masa ini kami kelelah Wak Nujum Bongsu
dengan bini dia dudok berhalah,
Kesalahan apa, fasal apa ta' dapat di-kata".

Melihat orang ramai itu malu-nya Wak Nujum Bongsu itu ta' dapat di-kata lagi. Lalu di-jawab Nujum Bongsu pada bini-nya,

"Ta' apa-lah Tuan Puteri Sa-kuntum Chempaka,
Fasal mu suroh aku cherai, aku cherai-lah ketika ini.
Maka dengar-lah semua dina, che' pun baik, tuan pun
baik,

Bukan kami cherai dengan gemalan²⁽¹⁰⁾
tidak kami cherai dengan hikayat
Salasilah awal yang dahulu, salasilah yang mula,
arwah yang ghaib,"

(9) *kelelah* - lihat, tengah.

(10) *gemalan* - sejenis bunyi2an

Jawab pola bini-nya,

"Ta' usah bilang banyak2-lah Nujum Bongsu,
Cherai aku ini bangat2, bangsa jantan babi ini."

Lalu kata Wak Nujum Bongsu,

"Aku cherai-lah mu ini Tuan Puteri Sa-kuntum
Chempaka dengan satu talok."

Maka bercherai-lah Wak Nujum Bongsu dengan bini-nya.

III

ANAK ANJING ANAK KUCHING

Maka timbul-lah pula riwayat anak Raja Alor Batu, dan berkata ia kepada Mahmud dan inang-nya,

"Silakan Mahmud dan inang,
Mu ambil emas sa-bungkal, perak sa-batil inang,
Sekarang mu pergi upah bidan yang ketujoh,
minta bidan yang ketujoh tutup mata, sumbat telinga,
pegang kaki berkas tangan.
Silakan Mahmud, mu pergi menuju ka-darat dara,
mu pergi chari anak anjing sa-ekor,
anak kuching sa-ekor.
Kita na' beri tukarkan pada anak Tuan Puteri Jong
Jamah.

Maka Mahmud pun berjalan-lah ka-darat dara, hulu hala, menchari anak anjing sa-ekor anak kuching sa-ekor. Dan inang pun bawa emas sa-bungkal perak sa-batil na' pergi upah pada bidan ketujoh, hendak minta pada bidan supaya pergi dalam istana minta getang telinga, tutup mulut berkas kaki tangan Tuan Puteri Jong Jamah.

Maka Mahmud pun boleh anak anjing sa-ekor, anak kuching sa-ekor. Anak anjing jantan anak kuching betina.

Tersebut-lah kesah Tuan Puteri Jong Jamah dalam istana, maka berkata-lah ia pada inang-nya,

"Ayoh-lah inang,
Bala mana petaka mana-lah inang,
Mari meletup dari dalam hati sakit dari dalam perut,
rasa sa-rupa na' beranak-lah inang.

sakit perut-lah inang,
bala mana petaka mana-lah inang
Tiada siapa kasehani na' tolong kami-lah inang
Ayoh-lah inang, silakan inang
pergi sambut pada to' bidan yang ketujoh-lah inang,
siapa lagi na' tolong".

Mendengar itu maka mak inang pun berjalan-lah pergi sambut inang yang ketujoh, dengan gerbang geroseng rambut2-nya berjalan getek, sa-bentar2 lunggar, sadikit berjalan banyak berlari, maka jatoh-lah pada pondok bidan yang ketujoh, sampai-nya maka berkata-lah inang pada bidan2 yang ketujoh,

"Ya kak Chik, kak Wan, kak Nik, kak Long, kak Ngah, patek datang dengan tinggi-nya gunong, maka tinggi lagi harap diri patek.

Kak Wan semua di-jemput masuk ka-dalam istana raja pada Tuan Puteri Jong Jamah oleh kerana ia akan beroleh anak yang di-dalam kandongan-nya itu."

"Waktu bila-lah inang." tanya bidan yang ketujoh,

Jawab inang,

"Waktu ini-lah kak Wan."

Sa-telah itu mereka pun menuju-lah ka-balai raja. Sa-sampai-nya di-angkat tangan di-sujud sembah pada Tuan Puteri Jong Jamah seraya berkata,

"Kak Wan sudah mari-lah adek,"

"Oh! silakan kak Wan" - jawab Tuan Puteri Jong Jamah
"Tolong diri patek kak Wan
Kalau kak Wan ta' tolong patek siapa lagi to' bidan
na' tolong patek."

Jawab kata bidan yang keenam beradek,

"Jadi bagini-lah adek,
sebab mana kerana mana fasal kak Wan mu adek
Kak Wan sudah berbidan na' kata berapa puloh buah rumah na' kata berapa chupak butir mata sudah adek,

pelajaran pada to' bidan,
Kalau tidak getang mata, sumbat telinga,
tekup⁽¹¹⁾ mulut, berkas kaki pegang tangan,
ta' boleh berbidan.
Rela kak Wan balek sahaja pun adek."

Kata-nya bidan enam beradek tadi, bidan makan upah. Bidan Bongsu ta' makan upah sa-kali2.

Maka jawab di-kata oleh Tuan Puteri Jong Jamah,

"Bagaimana bidan? Lama sudah patek dengar orang berbidan,
ta' rajin getang mata, ta' rajin sumbat telinga
ta' rajin tekup mulut-lah kak Wan."

"Hah! masing2 kesukaan" jawab bidan yang keenam.
"Masing2 guru, masing2 pelajaran,"

"Macham mana-lah kak Wan," kata Tuan Puteri Jong Jamah,
saya sakit mengandong, seksa-nya".

Lalu menangis-lah Tuan Puteri Jong Jamah dengan ayer mata-nya berderai2.

"Datang hati datang rasa kak Wan,
kak Wan na' tekup mata, sumbat telinga,
tutup mulut, berkas kaki.
Kalau buat bagitu, baik bunoh biar mati-lah."

Jawab pula oleh bidan yang enam,

"Oh! ta' usah dudok menangis-lah adek,
ta' usah belas-lah adek,
Kalau ta' boleh pun bolch-lah kak Wan semua balek."

"Jadi biar-lah kak Wan" - jawab Tuan Puteri Jong Jamah sambil duduk berteriak menangis.

(11) *tekup* - *tutup*

Maka Bidan yang ketujuh pun ambil kain di-jerut pada mata Tuan Puteri Jong Jamah, sa-kali dengan hidong sa-kali dengan mulut, tidak boleh bernyawa, gelap gelmat, sa-kali dengan mata sa-kali dengan mulut, ta' boleh bertutor, ta' boleh berchakap. Di-ambilnya kapas di-sumbatkan ka-dalam telinga, di-chuchok-nya pula dengan puntong kayu supaya ketat dalam lubang telinga takut orang dengar lagi. Takut dengar rahsia bagaimana orang buat pada diri dia. Kemudian di-ambilnya tali dan di-berkaskan kaki, ambil rantai berkas tangan. Sasudah itu bidan berenam pun naik atas perut Tuan Puteri Jong Jamah di-hirit dan di-titi na' suroh mati. Maka di-buatnya oleh bidan tadi sebab makan upah pada anak Raja Alor Batu. Di-buatnya anjaya, khianat pada Tuan Puteri Jong Jamah tetapi sa-urat bulu roesa pun tidak gugor.

Tidak lama suboh pun tiba, fajar membaris, ayam berkokok, murai berkicau, lembu jantan di-podang, chichak di-dinding, lipas di-atap, tikus di-rabong, semua-nya kasehan melihat Tuan Puteri Jong Jamah duduk di-aniaya oleh bidan yang keenam beradek itu. Tiada berapa ketika kemudian maka rimbit-lah Tuan Puteri Jong Jamah di-dalam istana. Adoh! keluar-lah sa-orang anak laki2, kemudian di-ikuti pula oleh sa-orang perempuan. Kakak laki2, adek perempuan. Keluar mereka bersakali dengan tembuni-nya dengan tiada bersusah gaduh Tuan Puteri Jong Jamah di-dalam anjong istana.

Sa-telah di-ketahui-nya yang bonda-nya telah bersalin itu maka anak Raja Alor Batu pun hendak pergi ka-anjong istana, hendak pergi letak anak anjing sa-ekor anak kucing sa-ekor na' di-tukar dengan adek2-nya kedua, na' di-bawanya keluar istana. Maka di-jawab oleh Bidan Bongsu,

"Sabar-lah dahulu tuanku,
Fasal tuanku na' ambil adek tuanku,
nanti-lah dahulu, nanti patek kerat pusat dahulu
tuanku."

Sa-telah itu Bidan Bongsu pun ambil-lah sembilu dan di-kerat-nya pusat anak Tuan Puteri Jong Jamah dua beradek itu.

Sa-telah sudah maka anak Raja Alor Batu pun ambil anak kuching sa-ekor anak anjing sa-ekor dan di-tukar-nya dengan adek-nya dua beradek dan di-bawa-nya keluar istana. Kedua2-nya di-hirit, di-lambong oleh anak Raja Alor Batu, di-bawa-nya ka-atas balai di-hantok di-tiung balai maka berkata anak Raja Alor Batu,

"Baik-lah aku na' pergi lempar dalam sarang semut
gatal kepala besar, biar di-makan oleh semut gatal,
biar di-hurong sampai ka-dalam perut,
Biar di-makan sakalian otak kepala,
sakalian lendir2, sakalian lemak sakalian darah,
sakalian daging."

IV

BIDAN BONGSU

Timbul tersebut pula Tuan Puteri Jong Jamah berserta dengan Bidan Bongsu, maka berkata Bidan Bongsu,

“Ta’ dak arah-lah tuanku,
orang lain beranak manusia,
datang jatoh tuanku beranak anjing sa-ekor,
kuching sa-ekor,
na’ buat macham mana tuanku?
Nasib ta’ baik, tuboh ta’ beruntong tuanku.”

Lalu Tuan Puteri Jong Jamah tadi pun ambil-lah anak anjing dan anak kuching tadi.

“Kak Wan na’ balek dah adek” - kata Bidan Bongsu,

Maka jawab pula Tuan Puteri Jong Jamah,

“Nanti-lah dahulu kak Wan,
Nanti-lah letak nama anak patek dahulu kak Wan
Tentu sudah, kuching dan anjing itu keluar dari kan-
dungan diri patek.
Sebab itu-lah patek na’ tahu nama mereka.
Anjing nama apa, kuching nama apa kak Wan.”

Jawab oleh Bidan Bongsu,

“Boleh-lah adek, boleh-lah kak Wan beri nama pada
anak2 adek alah kadar sementara nanti nama lain,
Kalau kak Wan na’ letak nama sa-orang laki2, kak Wan
letak nama Raja Dera, kalau perempuan kak Wan

letak nama Tuan Bongsu Ra'na Terbuang,
Ayah-nya bernama To' Raja Kembang Beremas,
Itu-lah sahaja boleh kak Wan bercherita, berbari dek,
Itu-lah sahaja adek - kak Wan letak pada anak anjing
itu nama Tuanku Raja Dera,
Anak kuching betina itu Puteri Bongsu Ra'na Ter-
buang."

Jadi Bidan Bongsu dudok berkias2 sahaja - Raja Dera sa-betul-nya ada dudok di-Padang Luas sana, di-hurong oleh semut gatal di-buat khianat oleh anak Raja Alor Batu.

Berkata anak Raja Alor Batu pada diri-nya sendiri,

"Kalau aku taroh Raja Dera dua beradek ini harta ayah
pun ta' boleh pada aku,
aku pun ta' boleh jadi raja, kalau dia besar semua
boleh kepada dia. Aku jadi dudok bawah tapak
kaki dia sahaja.
Sebab dia bonda lain, aku bonda lain".

Anak Raja Alor Batu tadi dengar perkataan bonda-nya
Tuan Puteri Ra'na Bunga.

PENDERITAAN RAJA DERA

Timbul pula tersebut kesah Tuzku Raja Dera yang duduk di-dalam sarang semut gatal siang jadi malam, malam jadi siang, hujan kehujanan, panas kepanasan, tiada siapa hendak tolong.

Berkata-lah semut gatal kepala besar,

"Aku ta' boleh gigit,
aku ta' boleh kekah pada Raja Dera,
Kalau aku gigit pada Raja Dera, ta' bertuah segala
anak pinak chuchu chichit aku."

Lalu semut gatal pun berangkat-lah sakalian anak beranak dia tujuh hari tujuh malam hendak menghabiskan sakalian anak beranak, na' menghabiskan sakalian telor, hendak pergi buat sarang di-lain tempat ta' boleh buat di-situ, tempat Raja Dera. Usahakan manusia, sakalian semut gatal pun kasihani pada Raja Dera.

Tersebut-lah pula anak Raja Alor Batu hendak pergi lihat pada Raja Dera, "mampus atau hidup" kata-nya anak Raja Alor Batu,

"Kalau sa-logi ta' mampus baram tanah Raja Dera,
baram sa-kali aku ta' kenal boleh jadi Raja dalam
Kampong dalam negeri ini."

Kemudian berkata ia kepada Mahmud,

"Silakan Mahmud kita pergi berjalan kelelah pada Raja Dera."

Maka mereka pun berjalan-lah dengan lorat(12) dengan gopoh-nya, sadikit berjalan banyak berlari tiba2 jatoh-lah pada tempat Raja Dera.

(12) *lorat* = cepat

Berkata anak Raja Alor Batu,

"Chelaka sunggoh semut gatal kepala besar ini,
Kami tahok⁽¹³⁾ Raja Dera dua beradek tahan-nya ta'
makan,
na' gigit pun ta' ser. Nya lari pergi ka-mana ta' tahu.
Hai, semut gatal kepala besar ini chelaka sunggoh."

Maka Raja Alor Batu pun di-sepak tendang-nya Raja Dera,
di-hirit, di-jijak-nya Raja Dera seraya berkata,

"Aku buat inacham mana pun ta' marmpus juga Raja
Dera,
Biar aku na' pergi lempar ka-tengah Padang Luas,
di-hadapan gajah puteh gading sembilan biar di-hirit
gajah,
biar di-jijak gajah, biar di-titi gajah,
biar di-tikam gajah.
Biar-nya makan darah, lemak, sakzian isi otak kepala-
nya."

Maka Raja Alor Batu pun mengambil dan di-bawa-nya Raja
Dera, maka jatuh di-hadapan gajah puteh, gading sembilan,
kepala tujoh.

"Ayoh, silakan nenek,
Kalau nenek perut lapar jadi kenyang
Kalan tuboh kurus jadi gemok,
Sila-lah nenek, hirit-lah nenek budak dua beradek ini."

(13) *tahok* - *champak*

VI

GAJAH PUTEH KEPALA TUJOH

Tumbul tersebut pada Bidan Bongsu, di-ambil-nya tembuni Tuan Bongsu Ra'na Terbuang lalu di-tanam-nya di-Padang Luas di-Chabang Empat di-Chabang Tiga, jadi sa-pohon merbau dalong. Tali pusat Tuan Bongsu Ra'na Terbuang jadi ular naga emas dudok terhampar di-bawah akar merbau dalong.

Tembuni Raja Dera di-ambil oleh Bidan Bongsu dan di-tanam-nya di-Chabang Empat di-Chabang Tiga di-bawah pohon nibong tunggal, lama2 jadi gajah puteh sa-lindong bayu, kepala tujoh gading sembilan tinggi tujoh belas kaki,besar tujoh pemelok. Usahkan manusia, daun kayu luroh sa-helai di-hadapan dia, dia tikam, lalat langau lintas di-hadapan dia, dia tikam. Dia dudok tiada bertambat, dudok tiada berantai, siang ta' terkata, malam ta' terkata. Maka tembuni Tuan Puteri Ra'na Terbuang jadi ular naga emas dudok terhampar di-bawah pohon merbau dalong. Usahakan manusia pergi, gajah, badak, harimau, beruang, pelandok, rusa, kijang, lalat langau burong sa-kali pun, kalau melintas di-pohon merbau dalong, maka meninggal kulit dan tulang sahaja. Bisa ta' bisa-nya pohon merbau dalong.

Maka akan hal Tuan Puteri Jong Jamah itu di-royat⁽¹⁴⁾ oleh Raja Alor Hatu pada ayah-nya, kata-nya,

"Ta' boleh taroh Tuan Puteri Jong Jamah dalam negeri,
kerana dia orang chelaka,

Orang lain beranak manusia, datang jatoh ka-dia
beranak anjing, kuching.

Silakan Nuk ambil pada Tuan Puteri Jong Jamah,
pergi tanam di-tengah Chabang Tiga, di-Padang Luas.

(1) royat - khobar

Ambil-lah anak anjing, anak kuching di-panchong di-hadapan Tuan Puteri Jong Jamah di-Padang Luas sana."

Tatkala mereka berada di-sana orang darat pun ta' naik ka-pantai, orang pantai pun ta' naik ka-darat, tanam timun, timun ta' berbuah, tanam jagong, jagong ta' beriak, tanam pisang, pisang ta' berjantong, tanam tebu, tebu ta' berpuchok,

Tiba tersebut Raja Dera dudok di-bawah di-hadapan kepada nenek gajah puteh, gading sembilan kepala tujoh.

Kata gajah,

"Usahkan aku na' tikam, usah aku na' hirit,
usah aku na' titi,
Aku kaschan Raja Dera ini,
Ah! kaschan tidak berbanding lagi."

Tersebut pula anak Raja Alor Batu hendak pergi keleh pada Raja Dera di-tikam atau tidak di-gajah, tiba2 sampai, dia tengok nenek gajah puteh tengah dudok sembah pada Raja Dera. Jawab anak Raja Alor Batu,

"Chelaka sunggoh gajah puteh gading sembilan ini,
Aku bawa mari Raja Dera dua beradek untuk di-tikam
tetapi tidak-nya tikam, tidak di-hirit, tidak di-titi,
Tiba2 dudok sembah pula,
Chelaka sunggoh gajah ini, ta' dengar perkataan pada diri kamni."

Scraya berkata itu anak Raja Alor Batu pun tarek akan satu rotan semambu lalu berkata,

"Gajah chelaka ini,
gajah ta' dengar perkataan diri aku,
gajah na' derhaka pada diri aku."

Maka dia pun ambil-lah rotan semambu lalu dia pukul pada telinga gajah 40 kali lalu menjerit-lah gajah puteh gading sembilan bukan2 lagi, kerana di-pukul oleh Raja Alor Batu itu.

Jawab gajah puteh gading sembilan kepala tujob,

"Biar-lah di-buat kapada aku
Aku na' pergi ka-arah matian gunong,
Aku ta' ser berhamba kapada raja lagi."

Maka lalu nenek gajah puteh kepala tujob pun pergi-lah antara belukar yang banyak, di-pinggiran bukit, tidak lama hilang-lah dari kampong dalam negeri itu kerana kesalahan ta' tikam pada Raja Dera, ta' tibang⁽¹⁵⁾ pada Raja Dera.

Sa-telah pergi-nya gajah puteh itu, maka Raja Alor Batu pun di-sepak di-tendang, di-hirit dan di-lambong-nya Raja Dera. Maka kata Raja Alor Batu,

"Baik kami pergi lempar Raja Dera pada Pengkalan Sari tempat buaya ganas,
tempat buaya puteh timbul dari sa-berang sana sampai ka-saberang sini,
Daun kayu sa-helai luroh pun di-tangkap oleh mak buaya."

Lalu Raja Alor Batu pun ambil budak dua beradek di-lemparnya pada tanah lumpur Pengkalan Sari. Maka Raja Dera pun di-bawa-nya arus, arus ka-barat ka-barat, arus ka-timor ka-timor-lah.

Kata Mak Buaya Puteh,

"Chelaka sunggoh anak Raja Alor Batu ini,
Sebab-nya bertuah Raja Dera itu maka di-lempar-nya
ka-dalam kolam ini na' suroh aku makan,
Usahkan aku makan pada Raja Dera,
Aku keleb pun kasehan, tiada dua di-banding tiga,
Kasehan tiada alang kepalang lagi."

Lalu mak buaya tadi pun di-ambil-nya Raja Dera dua beradek tadi lalu di-champak-nya ka-tebing kolam di-balek pokok kayu yang besar2. Sekarang Raja Dera sedang di-aniaya itu sudah boleh berjalan, masa di-buang dahulu baru boleh meniarap.

(15) tibang - pakul

Maka datang pula kapada Raja Alor Batu hendak keleb pada Raja Dera sama ada mampus atau-kah hidup-nya Raja Dera itu. Lalu pergi-lah ia, maka di-keleb-nya Raja Dera dudok terlari2 di-tebing kolam Taman Banjaran Sari.

"Chelaka sunggoh mak buaya ini," kata Raja Alor Batu,
Aku baw2-nya Raja Dera na' suroh makan, ti' di-makan,
di-champak-nya di-tebing kolam Banjaran Sari
Biar kami na' ambil galah na' ambil Raja Dera dua
beradek tadi na' pachak di-Chabang Empat di-Cha-
bang Tiga sana, di-Padang Luas."

Lalu Raja Alor Batu pun di-ambil-nya akan Raja Dera dua beradek hendak di-pachak di atas galah di-Chabang Empat di-Chabang Tiga di-hadapan pohon nibong tunggal. Sa-telah itu di-timbun-nya batu tiga timbun, duri tiga timbun di-Chabang Empat di-Chabang Tiga itu. Jika orang darat turun ka-pantai, kalau ta' pekong⁽¹⁶⁾ ta' tagor pada Raja Dera kena masok jel. Kalau orang pantai pun macham itu juga. Di-pasang-nya notis di-Chabang Tiga.

Maka Raja Dera pun dudok-lah di atas punchak nibong tunggal panas kepanasan hujan keruijanan kedua2 beradek, ta' tahu siang, ta' tahu malam - dengan tersebutnya.

(16) pekong - champak

VII

LARI BERTEMPIARAN

Maka timbul-lah pula tersebut orang darat dera.

Kata orang darat dera.

"Ayoh mak dia,
Sila-lah mak dia kutip timun jagong kachang petola,
kita pergi jual ka-kedai Bugis kedai petara,
kita pergi menchari ikan belang2,
menchari makan, sirih pinang,
Tembakau gambir, ikan sudah chukup,
beras dah ketat tempayan."

Maka orang darat dera pun muafakat-lah empat lima enam puluh orang pergi kutip tebu jagong, kachang petola pergi jual ka-kedai Bugis kedai petara pada hari baik bulan baik. Maka berkandarlah orang darat tadi na' pergi ka-pantai laut, na' pergi ka-kedai Bugis, na' jual timun jagong, kachang petola, ubi keladi, pisang dan tebu.

Maka mengandar-lah mereka, maka jatoh, jatoh pada Chabang Empat Chabang Tiga. Sa-sampai-nya maka kata orang darat dera,

"Bala mana, petaka mana datang-nya dari tiga timbun,
anak batu tiga timbun ini?, ada besar2 gelang betis,
Ini notis apa di-sini?" kata yang ramai.
"demo sa-orang tu boleh mengaji
demo pandai alah kader chara demo,
chuba demo bache, kita na' dengar, notis apa ini,
dengan batu dengan duri, apa bala petaka-nya?"

Lalu orang darat dera pun melihat akan notis di-pebon nibong

tunggal lalu dia lengak keleb atas punchak nibong tunggal ada satu budak dua beradek. Maka berkata-lah orang2 darat dara,

"Hai, bagaimana gamak-nya,(17) saing(18) yang ramai, pengalaman yang banyak. Kalau kita ta' pekong ta' tagor pada budak dua beradek atas punchak nibong tunggal dengan anak batu maka masok jel-lah kita, tiada terbit sa-kali2. Kalau kita pekong ta' mengapa, Mana baik pekong dengan tidak?"

"Baik-lah tidak," - jawab pula yang lain,

"Kalau tidak, ta' boleh lama di-sini, lama mari raja di-tangkap-nya kita, ta' boleh-lah kita berniaga. Ta' boleh berchakap sakan2(19) di-Chabang Empat, di-Chabang Tiga ini, lama ta' berfasal masok jel pula.

Masok jel dengan sebab ta' pekong
Kalau ada kes berjudi, kes perompak, kes churi tu
biar juga masok jel pun."

Maka orang darat pun churah semua timun jagong, kachang petola di-Chabang Empat, di-Chabang Tiga, bertimbun2. Sa-sudah itu maka lari-lah mereka balek, rebah lentang pukang sa-bentar meniarap, sa-bentar makan pasir, sa-bentar meniarap makan embun, - balek ka-rumah bini mereka, sampai selak pengsan orang darat dara tadi, sebab lari deras sangat. Sa-sampai-nya maka kata bini orang darat dara,

"Ya, ya pak dia,
Mengapa-lah pak dia, hingga sampai ta' boleh ber-chakap,
ta' boleh bertutor ini?
lari ka-gajah gila-lah, ka-harimau garang-kah,
atau lari ka-perompak-kah pak dia?"

"Bagini mak dia" - jawab orang darat dara tadi.
"Kalau kita ta' lari gak mak dia tentu sa-kali masok
jel pada diri kita,"

(17) gamak-nya - agak-nya

(18) saing - lawan

(19) sakan - banyak

"Sebab spa pak dia"

"Sebab ta' pekong pada budak dua beradek atas punchak
pohon nibong tunggal.

Maka kami churah segala timun jagong di-Chabang
Empat di-Chabang Tiga bertimbun2, berlonggok2
berlana2(20) sama tinggi berdiri.

Timbul pula tersebut orang chari makan di-laut,

"Hai bala mana petaka mana" kata jong selam pukat
takor

"Orang darat ta' dak sa-ekor rabit dalam kedai lagi,
Banyak bolch ikan, mana na' jual?
Jual ikan ta' laku siapa na' beli.

Hai teman yang ramai, ra'ayat yang sakan,
silakan ambil sa-takat yang habis,
lebeh itu pergi-lah jual di-darat dara
ikut kehendak bati, ikut kehendak jadi harta,
walau pun di-tukar dengan timun jagong,
kachang petola, ubi keladi pun biar-lah."

Maka orang chari makan di-laut pun ambil-lah dalam lebeh
kurang tiga buah perahu, tinggal lagi tu na' di-kata berapa buah
perahu lagi segala ikan pukat tenggelam, ikan pukat tarek, lalu
semua-nya di-churah di-tepi pantai, bertimbun2 berlonggok2,
sampai tidak bolch pergi di-tepi pantai laut kerana busok bukan2-
nya mudah.

Kata-nya orang di-pantai laut,

"Ta' usah pergi ka-laut lagi,
Kita makan ikan ini sahaja-lah."

(20) berlana2 - terlampaui banyak

VIII

PUDING EMAS PUDING PERAK

Maka tersebut-lah pula anak Raja Alor Batu, sudah lama ta' tengok Raja Dera di-Chabanbg Empat di-Chabang Tiga atas punchak pohon nibong tunggal. Hendak dia pergi keleh Raja Dera mampus atau hidup. Lalu anak Raja Alor Batu pun berjalanlah dengan Mahmud, dengan lorat, dengan gadoh, sikit berjalan banyak berlari hingga jatoh-lah di-Chabang Empat di-Chabang Tiga.

"Chelaka sunggoh" - kata anak Raja Alor Batu,
"Rupa-nya orang darat pun ta' turun ka-pantai,
orang pantai pun ta' naik ka-darat.

Tatkala dahulu Chabang Empat Chabang Tiga ini na' kenal rumput sa-urat pun ta' kenal, sekarang ini dengan rumput dengan lalang semua-nya tumbuh di-Chabang Empat di-Chabang Tiga."

Sa-telah itu di-ambil-nya Raja Dera di-bawa-nya pergi ka-Padang Luas ka-tengah padang lalu di-sepak-nya tiga kali, lalu berdengong2 Raja Dera naik pada arus yang deras awan yang mendiam diri. Dia pun lenggak keleh pada Raja Dera yang duduk berayer mata, berlopong mulut2, tersengeh gigi2 di-tengah panas di-saujana padang. Lalu berkata Raja Alor Batu,

"Sa-kali ini pada fikiran kami barang kali tentu-lah mampus sudah Raja Dera di-patok ular besar, di-arus yang deras, di-awan yang jaga.
Baru-lah senang kami jadi raja dalam kampong dalam negeri, kata-nya anak Raja Alor Batu.

Tetapi Raja Dera tadi di-sambut oleh 40 malaikat di-awan yang deras, di-arus yang juga.

Kata malaikat 40,

"Kami selindong kami sambut Raja Dera sebab kami kelelah pada Raja Dera ta' dak dua banding tiga, ta' daklain alang kepalang.

Ini-lah di-biar-nya oleh anak Raja Alor Batu hingga tinggal kulit dengan tulang-nya.
tetapi," kata malaikat 40, "kami ta' boleh pelihara]Raja Dera dua beradek dengan Tuan Puteri Bongsu Ra'na Terbuang di-arus yang deras di-awan yang juga."

Maka di-pendekkan hikayat yang dahulu bahagian yang lama, kata malaikat yang 40,

"Kami na' jatoh pada Raja Dera di-Padang Luas."

Lalu Raja Dera pun di-jatohkan di-Padang Luas di-mana sabatang pohon kayu pun tidak ada hanya sa-perdu pohon rumput janggut keling - ta' ada lain lagi. Maka Raja Dera pun menyurok-lah di-bawah pohon rumput janggut keling dudok bertedoh siang jadi malam, malam jadi siang, siang ta' terkata, malam ta' terkata. Maka berkata-lah Raja Dera, kerana Raja Dera pun sudah bolch berchakap, bolch bertutor, bolch berkira dah-akal pun sudah panjang,

"Ta' dak arah-lah adek pada kita ni,
sa-paroh mati, na' katakan mati ta' mati,
Kahau nasib ta' baik, ta' beruntung gak adek,
seksa-nya kita berdua adek, ta' boleh berkecbeck(21) ta'
boleh berkira lagi."

Lalu Raja Dera pun dudok2 bernasib di-Padang Luas di-bawah pohon rumput janggut keling sa-perdu. Ayer mata gugor berlinang2, maka ta' berapa lama Raja Dera dudok berteriak dudok menangis, dudok bernasib, dudok berpantun berseloka di-Padang Luas itu, maka timbul-lah sa-pohon puding emas, puding perak saperti payong sa-butir dudok menedohkan pada Raja Dera dua beradek dengan Tuan Puteri Ra'na Terbuang. Hilang-lah pohon rumput janggut keling, maka timbul pula pohon puding emas puding perak.

(21) *berkecbeck* - *berchakap*

IX

HARIMAU MENYEMBAH RAJA DERA

Maka timbul tersebut pula mak harimau beranak muda dan mak berok tunggal sedang na' berjalan menchari makan, melompat ka-situ, melompat ka-sini, tetapi ta' bertemu dengan apa suatu pun, kata mak harimau,

"Majal sunggoh aku menchari makan."

Maka berjalan-lah mereka hingga ka-mana jatoh, jatoh di-Padang Luas di-hadapan Raja Dera, kata mak harimau pula.

"Ini dia mak berok,
Sebab pun kita berjalan ta' boleh menchari makan,
ta' bertemu dengan apa satu pun,
rupa-nya na' bertemu dengan manusia."

Jawab mak berok,

"Bertemu manusia pun kita tangkap-lah makan.
Silakan mak harimau, mu pergi tangkap dahulu
mak harimau lepas mu tangkap aku pula pergi tangkap
mak harimau," kata-nya mak berok tunggal.

Lalu mak harimau beranak muda pun mengangakan mulut, mengeluarkan taring, mengiraikan bulu, membukakan kuku, menchorongkan mata hendak tangkap budak dua beradek itu. Lalu berkata Raja Dera.

"Ya mak harimau,
Sabar-lah dahulu mak harimau,
jangan-lah tangkap adek saya, jangan lah-mak harimau,
Kalau mak harimau tangkap adek saya, ta' sedap
dudok-lah saya,

Keleb-lah mak harimau,
Kalau mak harimau na' tangkap adek saya
silakan mak harimau tangkap saya dahulu,
sudah mati saya tangkap-lah adek saya pula mak
harimau."

Lalu mak harimau pun ta' jadi tangkap, lalu angkat tangan
dua2 sujud sembah di-hadapan Raja Dera.

"Minta ampun-lah tuanku beribu ampun
minta ma'af beribu ma'af
na' buat guana-lah tuanku, mak harimau ta' tahu-lah
tuanku ini.

Kalau ada susah gondah tuanku pergi-lah pada mak
harimau, boleh mak harimau tolong pada diri
tuanku."

Maka mak berok tunggal pun bagitu juga ta' jadi na' kekah,
ta' jadi na' tangkap dudok berhamba pada Raja Dera,

"Kalau ada susah taunku seru-lah pada mak berok,
boleh mak berok tolong tuanku."

Sa-lepas itu mak harimau dan mak berok pun hilang masuk
belukar.

X

TUPAI DAN HELANG PUTEH

Tiba2 di-royat pula kesah mak Tupai Lana Puteh di-Bukit Berapit Gunong Berapi, suatu hari mak Helang Puteh minta idzin pada-nya dalam lebeh kurang 7 hari untuk pergi menchari makan. Maka mak Helang Puteh pun terbang-lah sa-tinggi menara maka jatoh di-Padang Luas di-hadapan Raja Dera, Melihat Raja Dera di-situ, maka berkata-lah mak Helang Puteh.

“Bala mana petaka mana, fitnah mata kerana mana
 Hai orang dua beradek,
 Kami na’ pergi, na’ terbang, ta’ datang
 rasa ta’ datang hati.”

Maka ta’ jadi-lah dia pergi menchari makan, lalu dia pun ber-kisar-lah dudok membumbong akan sayap-nya di-arus yang deras, di-awan yang juga pada Raja Dera. Di-tedoh-nya Raja Dera siang jadi malam, malam jadi siang, ta’ makan ta’ minun, ta’ tidor, ta’ dudok, dudok buka sayap na’ tedohkan Raja Dera tadi, dua kali tujoh hari, dua kali tujoh malam, hari berganti bulan mak Helang Puteh dudok bertedohkan pada Raja Dera, tuboh kurus makin kurus kerana ta’ makan minun.

Hilang di-royat mak Helang Puteh maka timbul tersebut mak Tupai Lana Puteh di-Bukit Berapit Gunong Berapi,

“Bala mana petaka mana kerana mana
 fitnah mana meletup dalam hati,
 berdebar dalam dada” kata-nya mak Tupai Lana Puteh.
 “Sebab mana kerana mana mak Helang Puteh,
 lebeh kurang dalam dua kali tujoh hari lebeh
 dua kali tujoh malam tidak balek lagi ka-Bukit Berapit
 Gunong Berapi.”

Lalu mak Tupai Lana Puteh pun lompat-lah ka-situ, lompat ka-sini, hunggar ka-situ hunggar ka-sini, berjalan getek, sa-jurus lama, lama tidak berapa lama, tiba jatoh di-Padang Luas, di-hadapan Raja Dera. Maka kata-nya mak Tupai Lana Puteh,

"Sebab pun mak Helang Puteh ta' balek menjunjong duli pada kami."

Sa-telah di-lihat-nya oleh mak helang akan mak Tupai Lana Puteh itu lalu ia pun membukakan sayap-nya lalu terbang balek ka-Bukit Berapit Gunong Berapi, terbang kohor⁽²²⁾, sahaja kerana perut sudah lapar, ta' makan ta' minum na' di-kata berapa lama sudah. Berkata mak Tupai Lana Puteh,

"Ya, ya, Nik, mengapa-lah Nik dudok di-Padang Luas di-tengah padang dun beradek-lah Nik?
bala mana, petaka mana Nik,
seksa kesalahan apa? siapa tabok Nik?
siapa hambat Nik? siapa sepak tendang Nik?,
siapa godang⁽²³⁾ Nik?
royat-lah kapada mak Tupai Lana Puteh-lah Nik,
maka boleh-lah mak tupai dengar alah kadar."

"Jadi bagini-lah" jawab Raja Dera,
"Jadi patek mak tupai, ta' boleh na' rehat na' royat
banyak². Jadi na' royat² nasib tu jadi panjang,
baik-lah patek royat betul² bagiti-lah mak tupai
jadi patek ta' boleh royat mak tupai, kalau royat jadi
jatoh ayer mata selalu."

Jawab pula mak tupai,

"Kalau Nik ta' datang hati na' royat silakan Nik kita
pergi dudok dengan mak tupai di-Bukit Berapit
Gunong Berapi,"

"Endoi⁽²⁴⁾ emas pun sudah ada boleh Nik letak pada
diri adek."

"Silakan bonda," jawab Raja Dera,

"Kalau bonda hendak pelihara patek
ingin-lah patek hingga sampai ka-mati pun."

(22) *kohor2* - perlahan²

(23) *godang* - putul

(24) *endoi* - buzian

Lalu Raja Dera pun dukong-lah adek-nya Tuan Puteri Ra'na Terbuang buat pergi sama mak Tupai Lana Puteh ka-Bukit Berapit Gunong Berapi. Sa-telah sampai, berkata-lah mak tupai,

"Ya Nik, dudok-lah Nik di-sini,
ulit-lah adek dalam endoi emas,
pelihara-lah Nik molek2 pada adek Nik."

Maka Raja Dera pun letak-lah adek-nya tidor dalam endoi emas itu di-Bukit Berapit Gunong Berapi.

XI

RAJA DERA BERSELOKA

Maka timbul tersebut bonda anak Raja Alor Batu, Tuan Puteri Sa-kuntum Bunga.

"Ayoh abang, abang Tok Raja Kembang Beremas,
kata Tuan Puteri Sa-kuntum Bunga,

"patek meletup dari dalam hati, dari dalam dada-lah
abang,
ta' makan ta' minum tiga bulan sa-puloh hari sudah
abang."

Jawab Raja Kembang Beremas,

"Ya adek, adek na' makan apa-lah adek."

"Bagini-lah abang, saya na' makan ikan tenggiri hidup,
ikan parang hidup abang."

Kata Tok Raja Kembang Beremas,

"Abang na' chari ka-mana-lah adek?
ikan tenggiri hidup, ikan parang hidup,
tengah ombak bergelora ini."

Jawab Tuan Puteri Sa-kuntum Bunga,

"Ayoh-lah abang,
Kalau ta' boleh makan ikan tenggiri hidup
ikan parang hidup gak abang, mati-lah saya.
Hai lapar-nya abang."

"Lepar ta' lapar pun, na' buat bagaimana adek"
Kata Tok Raja Kembang Beremas.

Apabila di-dengar oleh Raja Alor Batu honda-nya dudok menangis na' makan ikan tenggiri hidup, ikan parang hidup, maka berkata-lah,

"Ya, silakan Mahmud, mu pergi kerah orang chari makan di-laut.

Maka Mahmud pun pergi-lah kerah segala orang chari makan di-laut supaya pergi mencari ikan tenggiri hidup, ikan parang hidup, tengah2 ombak bergelora, bulan 13. Maka semua pukat gantong, pukat tarek, segala hima dina orang chari makan di-laut pun turun-lah, tetapi habis lichin sakalian pukat jarat, perahu rakit, ta' tahu lepas ka-mana hala, dudok bertimbun2 di-tepi pantai. Ramai ra'ayat orang chari makan di-laut habis mati dudok terkapa2 di-tepi pantai dengan perahu, dengan pukat, dengan mayat. Melihat itu, berkata-lah Raja Alor Batu,

"Oh!" sampai hati, sampai rasa ra'ayat sakan2 meninggal sikit. Silakan Mahmud pergi sambut pada Wak Muda dan Wak Tua biar dia pergi mengail, kerana donda kami hendak makan ikan tenggiri hidup, ikan parang hidup, pergi-lah pada Bukit Berapit Gunong Berapi, kerana mana di-tahu kerana ikan tenggiri hidup ikan parang hidup boleh jadi dapat di-Bukit Berapit Gunong Berapi."

Lalu Mahmud pun pergi royat pada Wak Kepala Muda Kepala Tua. Wak Kepala Tua pun minta peranyah satu bilah hendak pergi tarek perahu na' menempoh pada ombak-nya. Sa-telah itu kedua2 pun pergi-lah ka-tengah laut bergelora bulan 13, menempoh ombak-nya, tetapi ayer sa-titek pun ta' masok dalam perahu dia. Maka di-kayoh-nya oleh Wak Kepala Muda, empat lima enam kali kayoh, hingga ka-mana jatoh, jatoh pada Bukit Berapit Gunong Berapi. Sa-sampai-nya maka mereka pun berlabuh akan sauh lalu mengail di-Bukit Berapit Gunong Berapi. Wak Tua dan Wak Muda pun hulor-lah tali kail, hulor dengan tiada berumpan, hulor dengan mata kail sahaja. Lalu kata Wak Tua,

"Jadi kita ini mengail, ikan na' makan apa? umpan pun ta' ada?

Jawab pula Wak Kepala Muda,

"Mana di-tahu, kalau2 ada untong tuah anak raja
menteri tersangkut atas belakang, di-Bukit Berapit
Gunong Berapi ini."

Maka Wak Kepala Tua dengan Wak Kepala Muda pun dudok
mengail-lah di-Bukit Berapit Gunong Berapi, siang jadi malam,
malam jadi siang.

Pada masa itu juga Raja Dera sedang dudok bernasib2
di-Bukit Berapit Gunong Berapi. Suara-nya itu terdengar pada
Wak Tua yang sedang mengail. Lalu berkata ia,

"Siapa itu Wak Kepala Muda?
Bunyi aku sa-rupa orang menyanyi,
sa-rupa orang berpantun."

Kemudian terdengar lagi pada Wak Tua, berbunyi,

"Kalau muka sudah chaschat-lah abang,
Kalau terbuang sudah nasib,
sa-olah sa-ekor kuching-lah abang.
Kalau keleb puchat,
Lalu orang kata sakit seksa-nya saya kena dudok di-sini,
Minta ma'af-lah che' dan tuan adek dan kakak,
Kerana saya ta' berapa pandai lagi,
Saya-lah Tuan Raja Dera.

"Apa dia tu Wak Kepala Muda?
Aku bunyi sa-rupa Raja Dera," kata Wak Kepala Tua.

Hai, Raja Dera mari di-mana?
Jangan pelawak, jangan bohong sangat gak Wak
Kepala Tua."
balas Wak Kepala Muda-nya.

"Tidak Wak Kepala Muda, chuba dengar gak,
Kalau kita dudok mengail dengan umpan, ikan pun
ta' makan,
sebab mana kerana mana, ikun dudok dengar.
Pendek-nya ikan chukup dudok dengar pada Raja Dera
dudok berpantun bunyi 12 pantun bunyi 12 bangsa

saperti buloh perindu.
Gila kita mengail pun ikan ta' makan,
baik kita pergi mengadap pada raja."

Lalu Wak Kepala Tua Kepala Muda pun kara⁽²⁵⁾ tali kail,
berkayoh pulang.

Kata Wak Kepala Tua,

"Bagini Wak Kepala Muda,
Mu pergi royat ka-raja, aku ta' ser pergi royat,
sebab aku urat pun sudah tua, ta' larat na' lari,
mu urat muda, deras sikit berjalan-nya, luas lagi
jangkah."

Apabila sampai di-Tanjong Kuala Wak Kepala Muda tadi pun
na' pergi royat-lah pada Raja Kembang Beremas dan anak Raja
Alor Batu na' kata Raja Dera ada di-Bukit Berapit Gunong
Berapi, suara-nya bunyi 12 bangsa 12 ragam saperti buloh
perindu.

Sa-sampai-nya di-hadapan Raja Wak Kepala Muda pun
berdatang sembah,

"Harap ampun beribu ampun
Harap ma'af beribu ma'af pada diri patek.
Fasal ikan tenggiri hidup ikan parang hidup ada
tetapi ta' di-makan kail, sebab mana kerana mana
tuanku,
sebab dudok ghalib dengar pada Raja Dera dudok
berpantun seloka, bukan reka2an lagi tuanku."

Terdengar-nya itu anak Raja Alor Batu pun sentak pedang
na' panchong Wak Kepala Muda, lalu Wak Kepala Muda pun
lari lintang pukang, melentang dan meniarap hingga2 termakan
pasir habis-nya.

(25) kara - melempar

XII

RAJA ALOR BATU TERBUNOH

Tersebut kesah Raja Alor Batu apabila di-ketahui-nya Raja Dera berada di-Bukit Berapit Gunong Berapi itu, maka di-suroh-nya Mahmud pergi royat pada Raja Dera katakan ayah-nya hendak berjumpa mata, hendak suroh tebang merbau dalang. Tetapi Raja Alor Batu ini hendak tipu adek-nya. Lalu Mahmud pun pergi-lah royat.

Maka berkata Raja Dera pada adek-nya,

"Ya adek, dudok-lah adek dalam cudoi emas mak Tupai Lana Puteh, kerana mana sebab mana abang na' pergi berjumpa mata dengan ayah bonda, na' berjumpa mata dengan anak Raja Alor Batu.
Kalau abang ta' balek dalam 7 hari gak adek,
ada-lah abang kesusahan adek."

Lalu Raja Dera pun berjalan-lah maka jatoh di-hadapan balai ayah dia, lalu Raja Dera pun pergi mengadap. Melihat Raja Dera itu, Raja Alor Batu pun puchat puteh na' marah, lalu ta' makan ta' minum, ta' tidor, ta' dudok, na' lari ta' lepas, na' menyusut (26) ta' lindong kerana Raja Dera sudah sampaikan balek, tapak kaki sudah na' sama besar dengan diri dia. Maka berkata-lah Raja Dera,

"Ya ayah, ayah panggil balek, panggil pada diri patek hajat mana kerana mana? patek mari ini alah kadar sahaja ayah"

Kata Tok Raja Kembang Beremas di-dalam hati-nya keluar tidak suara, "panggil ayah, budak mari di-mana?, anak siapa dia? aku ta' tahu."

(26) menyusut - menyuruh

Di-sambong lagi Raja Dera,

"Kata ayah panggil balek,
panggil pada diri patek suroh tebang merbau dalong.
Silakan ayah chari kapak-lah ayah,
boleh patek tebang merbau dalong."

Hendak di-kata-nya kepada Raja Alor Batu tetapi di-kias2kan kepada ayah dia. Anak Raja Alor Batu pun suroh Mahmud pergi ambil kapak dalam istana.

"Silakan Mahmud pergi ambil kapak dalam istana."

Maka Mahmud pun berjalan-lah pergi ambil kapak dalam istana Tuan Puteri Ra'na Bunga, bonda kapada anak Raja Alor Batu. Kapak itu pun di-usong-lah keluar, 30 orang usong mata sahaja, 30 orang usong hulu-nya, dengan riuh rendah gegak gempita, kemudian di-hempas-nya kapak di-hadapan balai, bergetar2, berembat di atas bumi, sampai masok mata kapak tujuh depa ka-dalam bumi.

"Silakan tuanku, kapak sudah saya bawa mari dah tuanku,"
kata-nya Mahmud.

Jawab Raja Dera,

"Tidak apa-lah Mahmud, nanti-lah dahulu."

Maka Raja Dera pun turun di-rimbat balai lalu mata kapak tujuh depa yang dudok di-dalam bumi itu di-kepit ambil dengan sa-belah kaki sahaja, dan dengan sa-belah tangan sahaja dibimbit-nya kapak itu. Maka berjalan-lah ia hendak pergi tebang merbau dalong pada hari baik, musim molek.

Di-merbau dalong tadi, sakalian gajah harimau habis tinggal kulit, tinggal tulang. Lain daripada Raja Dera ta' boleh pergi. Raja Dera sa-orang sahaja boleh pergi di-bawah pohon merbau dalong itu, sebab mana kerana mana, dia tahu puncha asal titis baris, nujum yang awal, salasilah yang mula akan merbau dalong itu,

"Aku keluar dahulu, mu keluar kemudian," kata Raja Dera,

Kalau mu ta' tolong, ta' kasehani pada diri aku, pada waktu ini, pada ketika ini, bila lagi mu na' tolong pada diri aku?"

Maka Raja Dera pun na' tebang-lah akan merbau dalong lalu di-angkat kapak tujoh hari tujoh malam jatoh sa-kali kapak di-merbau dalong, maka terkelchat tatar merbau dalong itu dan jatoh di-Padang Luas sana padang, kena atas lembu kerbau, kambing biri2, habis mampus, lichin sakalian lembu, kerbau, kambing biri2, sa-kali gajah badak, harimau beruang. Bagitulah bisa ta' bisa-nya tatar merbau dalong tadi.

Maka Raja Dera pun mula-lah tebang merbau dalong - lalu jawab-nya merbau dalong,

"Aku ta' ser tumbang sebab abang aku tebang"

tetapi Raja Dera tebang juga dan di-tahan bahu-nya supaya merbau dalong timpa atas dia, dia na' pikul merbau dalong na' buat masok dalam kota ayah dia. Kemudian tumbang-lah merbau dalong atas bahu Raja Dera sama rata dengan bumi. Melihat itu berkata-lah anak Raja Alor Batu,

"Tentu mampus baham tanah sa-kali ini senang kami jadi Raja dalam kampong dalam negeri, harta ayah pun lempah boleh kapada kami sa-orang."

Maka seksa-nya sekak pengsan Raja Dera siang jadi malam, malam jadi siang kerana di-timpa di-merbau dalong itu. Maka terkejut-lah ular nuga emas dari tidor-nya lalu di-keleb-nya abang dia selak pengsan itu. Lalu ia pun sembor-lah ayer mulut-nya tiga kali lalu puleh saperti sediakala-lah Raja Dera. Raja Dera pun bingkas bangun pikul merbau dalong, hunggar buat masok dalam kota ayah dia, lalu di-hempas-nya. Dengan terhempas-nya itu berlambong lah kota ayah dia, senget tiap2 kota ayah dia. Sakalian pinggan mangkok, periok belanga, pasu tempayan habis lichin pechah belah melambong sebab terhempas-nya merbau dalong itu.

Anak Raja Alor Batu pun sebab keleb Raja Dera bawa balek merbau dalong tadi masok lari dalam anjong istana ta'

makan ta' minum, ta' tidor, ta' dudok ta' bichara. Siang jadi malam, malam jadi siang, na' lari ta' lepas, na' menyurok sudah ta' lindong. Maka berkata Raja Dera,

"Ya ayah, fasal ayah na' merbau dalong,
ini-lah dia-nya ayah.
Ayah na' buat apa ayah?
ayah na' berapa kaki? boleh saya katang ayah,
sementara patek ada di-sini ayah," tetapi tidak terkata2
Raja Kembang Beremas.

Berkata pula anak Raja Alor Batu.

"Bagini-lah Mahmud,
Silakan Mahmud mu pergi royat pada Raja Dera,
Kata ayah dia suroh ia ranya⁽²⁷⁾ telaga."

Maka Mahmud pun pergi-lah royat pada Raja Dera, lalu ditanggoh-nya oleh Raja Dera sa-lama dua malam oleh kerana sejak kecil sampai besar ta' rajin lagi dia kerja macham itu.

Sa-telah sampai waktu-nya maka jawab Raja Dera,

"Ya ilahi, ya tuhanku, ya rasul ya junjongan,
serahkan pada hamba di-sini sakti betulan tunggah,
melelah puteh, bulu romba songsang,
minta biar turunkan mak tikus puteh empat sa-kawan,
biar mari korek akan telaga ini,
dudok dalam telaga, dudok menyulok menyelam kaki mandi."

Maka mak tikus puteh pun turun-lah dalam telaga, dudok korek telaga di-buat nya-rumah untok Raja Dera dudok. Raja Dera tadi sudah tahu yang orang na' kambus dia.

Maka sampai-lah ketika Raja Dera na' ranya telaga itu. Maka ia pun terjun-lah turun dalam telaga itu. Sa-bentar2 itu juga berkata Raja Alor Batu,

"Silakan Temenggong. Mahmud, inang, dayang,
champakkan sakalian tanah, sakalian batu, kayu,
ka-dalam telaga."

(27) ranya - gali

Maka sakalian tanah, sakalian pasir, sakalian batu, sakalian puntong kayu, habis di-champak ka-dalam telaga. Maka dipanggil pula tukang buat simin, hendak di-siminkan mulut telaga itu takut bolch Raja Dera naik ka atas. Sudah semuanya berkata anak Raja Alor Batu,

"Baru-lah mampus sunggoh sa-kali ini,
Kalau ta' mampus pun na' naik bagaimana?
mulut telaga pun sudahku siminkan."

Maka Raja Dera pun dudok-lah dalam telaga itu, siang jadi malam, malam jadi siang, tetapi bulu romba sa-urat pun tidak gugor.

Maka tersebut pula adek dia di-Bukit Berapit Gunong Berapi, Tuan Bongsu Ra'na Terbuang. Apabila terkejut sahaja dari tidor, maka ia pun bingkas bangun, tengok ka-kiri, tengok ka-kanan, tengok ka-belakang di-libatnya Raja Dera ta' dak, lalu berkata ia,

"Ayoh-lah abang, abang berjanji dengan patek lebeh kurang pada 7 hari sahaja tetapi ini tidak balek lagi mengadap kami, abang pergi ghaib ka-mana, ka-arah mana, saya na' mati bertindeh mayat bersama abang, kami na' mati sama2 dengan abang kami, na' mati dalam telaga, na' mati dalam bibir telaga, kami na' pergi bunuh diri-lah abang," kata-nya Tuan Puteri Ra'na Terbuang.

Maka berjalan-lah Tuan Puteri Ra'na Terbuang leok lentok menuju ka-bibir telaga. Sa-sampai-nya dia di-situ berkata-lah ia,

"Oh! abang dudok dalam telaga ini-lah telaga di-siminkan,
Telaga sahaja sudah chukup ini di-siminkan pula."

Lalu panas hati-lah Tuan Puteri Ra'na Terbuang lalu berkata ia,

"Sunggoh kami orang yang bertuah,
Sunggoh kami orang yang keramat,
Sunggoh kami orang yang hanlang."(28)

Lalu di-keraskan buku tangan-nya, serta di-gochoh-nya akan simin itu 3 kali. Maka simin itu pun habis pechah belah. Kata pula Tuan Puteri Ra'na Terbuang,

(28) hanlang - handalan

"Simin bagini dalam telaga, batu lagi,
puntong kayu lagi, tanah lagi, pasir lagi,
hingga ketat gelmat bagini?"

Sa-telah itu Tuan Puteri Ra'na Terbuang pun dudok-lah menangis di-tepi telaga, siang jadi malam, malam jadi siang, hari berganti bulan, bulan berganti tahun, habis lama ta' berapa lama sa-jurus lama, ayer mata Tuan Puteri Ra'na Terbuang pun penoh pena di-dalam telaga, dudok melembak baik pada pasir, pada batu, pada kayu macham ayer laut dudok memechah di-pantai. Maka keluar-lah sakalian batu, sakalian tanah, sakalian pasir, maka abang dia Raja Dera pun berenang-lah naik dari dalam telaga, lalu berkata Tuan Puteri Ra'na Terbuang,

"Oh! abang, sampai hati, sampai rasa
sunggoh-lah abang tinggal saya ya abang."

Jawab Raja Dera,

"Na' buat guana⁽²⁹⁾ adek, bukan sengaja abang tinggal,
na' buat guana adek sudah kena susah bagini,
tidak mengapa-lah adek, balek-lah adek dudok di-Bukit
Berapit Gunong Berapi, kerana abang sekarang ini
adek,

hutang emas abang na' bayar emas,
hutang budi abang na' bayar budi,
hutang perak abang na' bayar perak,
abang na' sapu arang dari muka selot dari tuboh.

Silakan adek balek ka-Bukit Berapit Gunong Berapi,
sebab mana kerana mana, kerana abang na' lepas nenek
gajah puteh biar mari masok ka-dalam negeri Tok
Raja Kembang Beremas."

Tersebut pula anak Raja Alor Batu, di-royat-nya pada Mahmud, sakalian isteri2 raja gundek raja suroh keleh pada satu gajah garang, yang dia suroh Raja Dera pergi ambil. Gajah puteh selindong bayu kepala tujoh gading sembilan tadi, usahkan manusia lalu, lalat langa lintas di-hadapan dia habis di-tikam daun kayu sa-helai luroh di-hadapan dia pun, di-tikam-nya;

Sa-telah di-suroh-nya pada Raja Dera, maka Raja Dera

(29) *guana* - bagaimana

pun pergi-lah ambil akan gajah puteh selindong bayu itu. Dilihatnya Raja Dera itu maka gajah puteh pun angkat belalai lalu sujud sembah,

“Ya tuanku,
hendak tuju mengadap ka-mana ya tuanku?”

Jawab Raja Dera,

“Hai bagini-lah nenek, patek hendak mari mengadap pada diri nenek, silakan nenek kita masok pada negeri Tok Raja Kembang Beremas, kalaun nenek perut lapar jadi kenyang, tuboh kurus jadi gemok, nenek pergi-lah mengamok dalam negeri Tok Raja Kembang Beremas, waktu ini ketika ini, biar-lah semua mati nenek, tapi patek na’ royat, tinggal pada ayah patek sa-orang, Wak Nujum Bongsu dan Bidan Bongsu. Lain daripada itu nenek tikam, nenek gulong semua-nya.”

Sa-telah itu Raja Dera ta’ berasa hati na’ naik atas belakang gajah, lalu diambil belalai dan di-pikul-nya. Apabila di-lihat oleh Raja Alor Batu Raja Dera datang dengan gajah puteh itu maka ketar kenaling-lah ia tengok Raja Dera pikul belalai itu main2 sahaja. Ta’ hairan lagi kerana gajah dia, gajah sama jadi dengan din. Maka berkata Raja Dera

“Silakan nenek dengar patek na’ pesan,
na’ amanah.”

Jawab gajah puteh,

“Ya ta’ apa-lah Nik,
nenek sudah tahu pesan amanah pada diri nenek.”

Sambong pula Raja Alor Batu,

“Nenek tinggal pada anak Raja Alor Batu sudah,
sebab mana kerana mana,
anak Raja Alor Batu ini patek na’ uji dengan patek,
emas patek na’ uji sama emas,
suasa patek na’ uji sama suasa,
perak patek na’ uji sama perak,
tembaga patek na’ uji sama tembaga.”

Maka gajah puteh selindong bayu pun tajamkan gading, gulong akan belalai menchawatkan ekor, memutuskan telinga, menchorongkan mata, maka lalu masok mengamok dalam negeri Tok Raja Kembang Beremas, siang jadi malam, malam jadi siang, siang ta' terkata, malam ta' terkata. Nenek gajah puteh dudok mengharong dalam darah, dudok 'meniti di atas mayat, gemok sa-bentar2 nenek gajah puteh selindong bayu kepala tujoh ta' gemok ba'apa⁽³⁰⁾ makan darah; Habis lichin orang dalam negeri Tok Raja Kembang Beremas, tinggal pada Tok Bidan Bongsu.

Maka berkata-lah Raja Dera,

"Jadi bagini-lah nenek,
Silakan nenek balek dahulu di-Chabang Empat di-Chabang Tiga, kalau ada susah gadoh pada diri patek, boleh-lah patek jemba⁽³¹⁾ pada nenek,"
"Ta' mengapa-lah," jawab gajah puteh.

lalu melenggang-lah pulang menuju ka-pohon nibong tunggal, dudok tiada bertambat, dudok tiada berikat.

Sa-telah pergi-nya gajah puteh maka berkata-lah Raja Dera pada anak Raja Alor Batu,

"Hai anak Raja Alor Batu,
Kita sama sa-bapa, aku bonda Tuan Puteri Jong Jamah,
Bonda-mu Tuan Puteri Ra'na Bunga,
Silakan kita bermain sa-langkah dua,
emas kita uji sama emas,
suasa kita uji sama suasa,
perak kita uji sama perak
sila-lah anak Raja Alor Batu mu panchong aku dahulu,
sebab kalau aku mati pun aku ta' sugol,
aku pejam mata rapat dah."

Lalu Raja Alor Batu pun di-sentak pedang na' panchong Raja Dera, panchong ka-kiri elak ka-kanan, panchong ka-kanan elak ka-kiri, panchong hadapan menyurut ka-bawah panchong bawah lompat naik, tetapi pada Raja Dera usahkan na' tempoh di-mana2, bulu rompa chelaka sa-urat pun ta' gugor.

(30) *ba'apa - mengapa*

(31) *jemba - pergi*

Kata Raja Dera,
"Ha, ingat anak Raja Alor Batu,
aku na' panchong pada diri mu,
mu pelepas biar baik, mu ingat biar molek."

Lalu Raja Dera pun sentak pedang dalam lipatan, serta di-panchong-nya akan anak Raja Alor Batu. Panchong kiri elak ka-kanan, panchong kanan elak ka-kiri, panchong bawah melompat naik. Maka di-kerat di-katang-nya oleh Raja Dera akan Raja Alor Batu, maka hilang-lah riwayat anak Raja Alor Batu.

Melibat itu Tok Raja Kembang Beremas pun ketar kenaling, berkata Raja Dera,

"Tidak apa, ayah, fasal ayah jangan takut,
jangan bimbang kerana mana sebab mana jadi patek ini
ta' buat pada ayah, patek kenal lagi pada ayah,
seksa patek ada-lah buatan anak Raja Alor Batu
sekarang dia pun ta' dak,
Negeri ayah pun patek sudah basoh dah ayah."

Sa-telah itu Raja Dera pun pergi-lah pada bonda dia di-Chabang Empat di-Chabang Tiga, di-ambil ayer mawar lalu di-renjiskan pada bonda-nya Tuan Puteri Jong Jamah seraya berkata,

"Wahai bonda, kalau bonda ta' kenal ini-lah anak bonda
sejati, anak anjing anak kuching itu tukaran
pada patek bonda, ini-lah anak sejati terbit dari
kandongan bonda-lah, bonda,
Bonda dudok-lah sama2 dengan ayah-lah bonda."

Maka Raja Kembang Beremas pun berapa kali-lah siroh Raja Dera gaya pada bonda dia, ta' ser sa-kali2 dudok bersama2 dengan Tok Raja Kembang Beremas,, sebab seksa dia. Jawab pula Raja Dera,

"Jadi bagini-lah bonda,
jangan-lah bonda ambil hati bonda,
buang yang keroh ambil yang jerneh-lah bonda,
Fasal patek bonda ta' boleh dudok bersama2
dengan ayah, sama2 dengan bonda,
Ra'ayat sakalian negeri ini pun sudah habis lichin,

Sudah patek basoh negeri ayah, negeri ayah chemar⁽³²⁾
di-buat oleh anak Raja Alor Batu, patek na' pergi
dudok di-Bukit Berapit Gunong Berapi sama2 mak
Tupai Lana Puteh, mak Tupai Lana Puteh dudok
pelihara pada diri patek dari kecil sampai ka-be-
sar. Maka hilang-lah salasilah dalam negeri Tok
Raja Kembang Beremas, pada masa ini, pada
ketika ini.

Maka Raja Dera pun tinggal-lah ayah-nya pergi ka-Bukit
Berapit Gunong Berapi dengan adek dia. Maka hendak ber-
nasib bernasib-lah dengan adek dia, berpantun seloka alah
kadar di-Bukit Berapit Gunong Berapi dengan mak Tupai Lana
Puteh.

Kalau saja nasib ta' baik
Kalau saja nasib badan,
Alah tidak bertuah-lah adek!.

T A M A T

(32) chemar - hotor